KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	5/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	JMG			

Syarikat lombong pasir di Pantai Pasir Panjang wajar dikenakan tindakan

SH 5.1.2022_26

LUMUT - Pihak berkuasa di negeri ini digesa mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat yang menjalankan perlombongan pasir silika di Pantai Pasir Panjang, Segari.



ROSIMA

Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, pengusaha terbabit perlu memulihkan kembali hutan pesisir pantai yang menjadi habitat kepada penyu bertelur.

Menurutnya, kawasan pantai dari Hutan Lipur Pasir Panjang hingga ke Pantai Pasir Pandak, Tanjung Hantu di sini merupakan kawasan yang kerap direkodkan pendaratan penyu.

"Timbul persoalan adakah kegiatan pengambilan pasir tersebut dilakukan secara haram kerana ia bercanggah dengan Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) serta tidak mendapat kelulusan Enakmen Pengurusan Pesisir Pantai Perak 2016 dan tidak terdapat papan tanda kelulusan di tapak.

"Dalam tempoh sebulan kawasan ini sudah terang. Dapat dilihat pokok bernilai tinggi seperti balau laut dan tembusu berlonggok ditebang. Apabila aduan dibuat barulah kerajaan negeri ambil tindakan," katanya kepada pemberita di Pantai Pasir Panjang pada Selasa.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), Noor Ismady Ahmad Radzuan serta komuniti nelayan dari Kampung Sungai Gelam dan Kampung Semangat.

Meor Razak berkata, pihak berkuasa negeri seharusnya tidak membenarkan lagi sebarang kegiatan dan penukaran guna tanah di kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) tahap satu.



Penduduk membantah kerja-kerja korek pasir silika yang telah menmusnahkan hutan pesisir pantai pada Selasa.

Sementara itu, penduduk, Rosima Saidin, 58, turut terkejut dengan kemusnahan hutan melibatkan kawasan pencarian hasil laut yang merupakan sumber pendapatan keluarganya.

"Saya nampak ada jentera besar masuk tidak sangka mereka musnahkan hutan ini, tempat kami selalu lihat penyu mendarat dan bertelur.

"Kawasan pantai yang dikenali Beting Batu Malang merupakan lubuk buat nelayan kecil menangkap ikan senangin, bawal, udang dan ketam," katanya.



Meor Razak (kanan) menunjukkan lot kawasan perlombongan pasir yang berlaku di kawasan KSAS tahap satu yang juga habitat penyu bertelur di Pantai Pasir Panjang, Segari pada Selasa.